

## Undang-undang Pelabuhan Kedah dari Perspektif Sejarah dan Budaya

*(Kedah Port Laws from the Historical and Cultural Perspectives)*

MOHD SUKKI OTHMAN

ADI YASRAN ABDUL AZIZ

Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia

shauqi@fbmk.upm.edu.my

adi@fbmk.upm.edu.my

**Abstrak.** Kajian ini bertujuan menjelaskan beberapa aspek sejarah dan budaya Melayu yang terdapat dalam manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah bertarikh 1060 H/1650 M. Undang-undang ini dipercayai telah menjadi panduan kepada semua pedagang yang berdagang di pelabuhan Kuala Kedah dari abad ke-17 hingga abad ke-19 termasuklah pedagang dari India, China dan Eropah. Pelabuhan Kuala Kedah juga dipercayai telah muncul sebagai pelabuhan terbesar di Nusantara ketika itu, iaitu selepas kejatuhan Melaka dan kemerosotan pelabuhan Banda Aceh. Kemunculan pelabuhan Kuala Kedah sebagai pelabuhan terpenting di rantau ini telah mendorong kerajaan Kedah pada masa itu untuk mengkanunkan undang-undang pelabuhannya sendiri. Manuskrip undang-undang pelabuhan Kedah ini dianggap sebagai undang-undang pelabuhan Melayu lama yang paling lengkap. Justeru, kajian ini menggunakan pendekatan analisis teks berdasarkan manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah versi Raf 77 dan dibantu dengan manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah versi MS 40329 dan ML 25. Hasil kajian ini mendapati terdapat banyak aspek sejarah dan budaya Melayu berkaitan dengan perdagangan dan kewangan yang sebahagiannya telah membentuk jati diri bangsa Melayu itu sendiri sehingga sekarang.

**Kata kunci dan frasa:** sejarah, budaya, perdagangan, kewangan, manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah

**Abstract.** *This study aims to unravel some aspects of Malay culture and history that are found in the Kedah Port Laws, dated 1060 H/1650 M. It is believed that these laws served as a guide to traders including those from India, China and Europe who traded at the port of Kuala Kedah between the 17th century and the 19th century. Kuala Kedah emerged as the largest port in the archipelago after the fall of Malacca and the decline of the port of Banda Aceh. The emergence of Kuala Kedah as the most important port in the region led the Kedah government at the time to codify its own port laws. The Kedah Port Laws manuscript is regarded as the most complete old Malay port laws. This study is a text analysis of the Kedah Port Laws manuscript version Raf 77 and the Kedah Port Laws*

*manuscript version MS 40329 and ML 25. The study reveals that there are many aspects of the Malay culture and history associated with trade and finance that are integral to the Malay identity until today.*

**Keywords and phrases:** history, culture, commerce, finance, Kedah Port Laws

## **Pendahuluan**

Undang-undang Pelabuhan Kedah yang terdapat dalam manuskrip Undang-undang Kedah merupakan antara bukti bertulis terawal yang menunjukkan bahawa Kedah pernah menjadi pusat perdagangan antarabangsa yang paling sibuk di rantau ini sekitar abad ke-17 dan ke-18 Masihi. Kedah dianggap sebagai negeri yang tertua sekali di Tanah Melayu (kini Semenanjung Malaysia) oleh ramai sejarawan. Pendapat ini berasaskan kepada penemuan arkeologi yang terdapat di kawasan-kawasan tertentu di Kedah yang membuktikan wujudnya petempatan-petempatan secara teratur semenjak kurun keempat Masihi lagi. Negeri Kedah terletak di utara Semenanjung Malaysia, bersempadan dengan negara Thailand di sebelah utara (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman).

Pada peringkat awal perkembangan kerajaan Kedah, kegiatan perdagangan banyak tertumpu di pelabuhan Sungai Mas dan Lembah Bujang, namun keduanya tidak kekal lama sehinggalah muncul Kuala Kedah pada awal abad ke-17 sebagai pelabuhan utama negeri Kedah. Kuala Kedah ini juga dikenali dengan nama Kota Kuala Bahang seperti yang tercatat dalam teks Undang-undang Kedah versi Raf 77, "... negeri Kedah Kota Kuala Bahang Darul Aman ..." (187, baris 13). Namun begitu, kerajaan Kedah pada masa itu masih lagi di bawah pemerintahan Aceh yang melarang pedagang untuk berdagang terus dengan mana-mana pelabuhan di bawah takluknya sejak tahun 1045 H (1635 M). Semua perdagangan hendaklah dikendalikan di pelabuhan Banda Aceh. Akibatnya, pelabuhan Kedah agak terbiar selama beberapa tahun selepas itu sehinggalah penguasaan kerajaan Aceh ke atas Kedah semakin lemah setelah kemangkatan Sultan Iskandar Thani pada tahun 1641 M. Selepas itu, pelabuhan Kuala Kedah semakin sibuk dengan kapal-kapal dagang dari seluruh pelosok dunia termasuklah India, China dan Eropah. Oleh itu, kerajaan Kedah pada masa itu telah mengambil inisiatif untuk mengkanunkan satu undang-undang bagi menguruskan pelabuhannya sendiri yang dikenali sebagai Undang-undang Pelabuhan (Undang-undang Pelabuhan Kedah). Undang-undang ini jelas menunjukkan pengaruh Islam selain undang-undang adat seperti yang diamalkan oleh kerajaan-kerajaan yang pernah menaunginya, khususnya Melaka dan Aceh (Ahmad Jelani Halimi 2002).

### **Kajian lepas**

Terdapat beberapa kajian penting yang dilakukan terhadap manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah yang merupakan sebahagian daripada teks undang-undang Kedah. Kajian yang mengandungi transliterasi teks Undang-undang Kedah ini telah dilakukan oleh Winstedt (1928), *Kedah Laws* dalam JMBRAS dan Mariyam Salim (2005), *Undang-undang Kedah* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Kedua-dua penulis tersebut mengkaji manuskrip Undang-undang Kedah versi MS 40329. Kajian Winstedt ini kemudiannya dikritik oleh Siti Hawa (1999) kerana mengandungi banyak kesilapan transliterasi berbanding dengan transliterasi ayat dan kosa kata terpilih yang dihasilkan oleh beliau berdasarkan manuskrip ML 25. Berdasarkan kajian Winstedt juga, Abu Hassan (2006) telah menghuraikan beberapa aspek tugas pegawai dan sistem percukaian di pelabuhan Kedah. Namun begitu, masih terdapat beberapa aspek yang boleh ditambah baik seperti tugas panglima negeri yang turut terlibat dalam sebahagian proses pemeriksaan barang dagangan dan beberapa aspek percukaian seperti nilai cukai yang berbeza antara panglima negeri dan panglima bandar serta lain-lain lagi.

Edwar, Nikmah dan Haniah (1981) pula membuat transliterasi dan analisis manuskrip versi ML 25 yang kemudiannya diulas oleh Jelani Harun (2008). Undang-undang Kedah versi Ku Din Ku Meh di Arkib Negara Malaysia pula telah dikaji oleh Mahani (2006). Selain itu, terdapat beberapa kajian lain tentang manuskrip Undang-undang Kedah hasil daripada penyelidikan para pengkaji seperti Wan Ab Rahman Khudzri dan Mohd Afandi (2002), Ahmad Jelani Halimi (2002), Wan Shamsuddin (2002) dan lain-lain yang diterbitkan dalam pelbagai medium penerbitan atau secara dalam talian. Walaupun demikian, analisis terhadap aspek sejarah dan budaya perdagangan di Kedah berdasarkan manuskrip ini masih lagi belum dilaksanakan secara menyeluruh.

### **Manuskrip Undang-undang Kedah**

Terdapat beberapa versi manuskrip undang-undang Melayu yang mengandungi Undang-undang Kedah. Manuskrip yang dipilih dalam kajian ini ialah manuskrip Raf 77 (koleksi Raffles) yang diperoleh daripada Perpustakaan Negara Malaysia dalam bentuk mikrofilem. Manuskrip ini dipilih kerana belum ada kajian yang mendalam terhadapnya dan mengandungi Undang-undang Pelabuhan Kedah yang paling lengkap setakat ini. Menurut Liaw (2003), manuskrip ini berukuran 19.5 cm × 14 cm dengan 44 folio di dalamnya dan 15 baris pada setiap halaman serta ditulis di atas kertas Eropah dengan tera air *Polleri*. Manuskrip ini dimulai dengan *Syair Pipit dan Enggang*, kemudian barulah diikuti dengan *Undang-undang Pelabuhan Kedah*. Oleh itu, manuskrip Raf 77 yang diberi tajuk *Code de*

*Kedah* ini bermula daripada halaman 152 hingga 164 tetapi mengandungi 22–23 baris setiap halaman. Manuskrip lain yang dijadikan sebagai ko-teks bagi analisis perbandingan ialah Undang-undang Kedah versi MS 40329 dan ML 25.

Selain daripada Undang-undang Pelabuhan Kedah, terdapat juga beberapa undang-undang Kedah yang lain yang turut dimuatkan dalam Raf 77, tetapi tidak dijadikan fokus kajian. Begitu juga dengan manuskrip Undang-undang Kedah daripada versi yang lain seperti Undang-undang Kedah Versi *Ku Din Ku Meh* di Arkib Negara Malaysia, KL 20 Undang-undang Melayu Koleksi Klinkert, SOAS 40505 Undang-undang Laut versi Aceh, Maxwell 47 halaman 64–81, versi Von de Wall 57 dan 59 (Liaw 2003) dan Undang-undang Perbuatan Datuk Besar Dahulu (Perpustakaan Negeri Kedah). Teks-teks ini juga tidak dijadikan sebagai bahan kajian.

### **Aspek Sejarah**

Dari aspek sejarah, Undang-undang Pelabuhan Kedah ini didapati banyak mengandungi pengaruh Islam dan adat Melayu. Perkara ini telah disentuh sedikit sebanyak oleh Wan Ab Rahman Khudzri dan Mohd Afandi (2002). Antara perkara tersebut ialah penggunaan tarikh hijrah berserta tahun (daur kecil) Melayu, perisytiharan negeri Islam dan sejarah percukaian yang akan dikupas secara lebih mendalam. Kewujudan pengaruh Islam yang agak meluas dalam Undang-undang Pelabuhan Kedah ini berkait rapat dengan sejarah kedatangan Islam di Kedah yang dikatakan berlaku pada tahun 531 Hijrah (1136 Masihi), jauh lebih awal daripada tarikh manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah ini diarahkan supaya ditulis, iaitu pada tahun 1160 Hijrah (1650 Masihi). Sumber sejarah kedatangan Islam ke Kedah ini terdapat dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* versi nukilan Muhammad Hassan Muhammad Arsyad (1927) yang berada di Dewan Bahasa dan Pustaka dengan nombor rujukan MS 100. Walaupun terdapat juga cerita tentang kedatangan Islam dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, namun fakta yang dikemukakan dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* didapati lebih realistik (Jelani Harun 2006 dan Ismail Haji Salleh 2006).

### **Penggunaan tarikh Melayu/Islam**

Penggunaan tarikh yang cukup teliti dalam kebanyakan manuskrip Melayu lama memudahkan ahli filologi dan ahli sejarah membuat tafsiran terhadap sejarah yang berlaku dengan lebih tepat. Walaupun demikian, terdapat percanggahan tarikh yang digunakan dalam manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah yang dikaji. Dalam manuskrip Raf 77 dan ML 25, tarikh yang dinyatakan pada permulaan teks ialah 1160 H, manakala dalam MS 40329 pula dinyatakan 1060 H seperti berikut:

Pada tarikh seribu enam puluh tahun (1,060), tahun zai, pada tujuh belas hari bulan Jamadilakhir, hari Jumaat, bahawa pada ketika itu maka adalah titah Syah Alam Yang Maha Mulia terjunjung ke atas jemala Paduka Raja suruh salin ambil taruh undang-undang perbuatan Dato' Besar dahulu ... (MS 40329: 1, baris 1)

Walaupun tahun 1060 dalam petikan di atas tidak dinyatakan sama ada pada tahun Masihi atau Hijrah, namun menurut kebiasaannya, pengkaji atau pembaca manuskrip sudah dapat mengagak bahawa tahun tersebut merupakan tahun Hijrah, tetapi tidak semua pengkaji atau pembaca memahami perihal tahun *Zai*. Penggunaan tahun Melayu ini diamalkan oleh para penulis manuskrip Melayu sebelum abad ke-20. Ia dikenali sebagai daur kecil yang dicirikan dengan pusingan lapan tahun oleh penulis serta pujangga istana dan keraton di kepulauan Melayu yang menghitung tahun Hijrah dengan menamakan setiap pusingannya sebagai Tahun *Alif, Ha, Jim* (Awal), *Zai, Dal* (Awal), *Ba, Wau, Dal* (Akhir) atau *Jim* (Akhir) (Ahmat Adam 2009). Tahun Hijrah pula terdapat dalam kalendar Islam yang bermula sejak bulan Julai 622 Masihi, iaitu ketika Nabi Muhammad SAW berhijrah dari Mekah ke Madinah.

Berdasarkan tarikh dan Sultan yang memerintah pada ketika itu, Wan Shamsuddin (2002) telah membuat pengiraan dan kesimpulan bahawa tarikhnya adalah pada 26 Jun 1650 M. Walaupun demikian, berdasarkan penukaran tarikh menggunakan *software hijri converter online* dalam *Islamic Finder* didapati tarikhnya adalah 17 Jun 1650 M yang bertepatan pula dengan hari Jumaat seperti yang dinyatakan dalam manuskrip.

Penggunaan tahun *Zai* pula adalah tepat seperti cara kiraan mengikut jadual kitaran lapan tahun daur kecil Melayu yang bermula dengan huruf alif. Mengikut jadual ini, huruf zai adalah huruf yang keempat. Jika tahun Hijrah tersebut dibahagi lapan dan bakinya empat maka tahun tersebut jatuh pada tahun *Zai*. Hal ini bermakna tarikh hijrah dalam MS 40329 tersebut, iaitu  $1060 \div 8 = 132$  berbaki empat adalah bertepatan dengan tahun *Zai*. Oleh itu, tarikh 17 Jamadil Akhir 1160 H pada hari Jumaat yang dikemukakan dalam manuskrip versi ML 25 dan Raf 77 didapati kurang tepat kerana tarikh itu bersamaan dengan hari Isnin 26 Jun 1747 dan bukan zaman pemerintahan Sultan Rijaluddin Muhammad Syah seperti yang dinyatakan dalam undang-undang ini:

Maka undang-undang ini diperbuat pada zaman Sultan Rijaluddin Muhammad Syah semayam di Naga, muafakat dengan segala menteri pegawai dan pendeta membicarakan dia supaya tetap adat ini jangan berubah-ubah ... (Raf 77: 162, baris 23–163, baris 1–2)

Menurut pakar sejarah, Sultan Rijaluddin Muhammad Syah memerintah pada tahun 1035H–1062H bersamaan 1602M–1651M (Ibrahim 2008). Walau bagaimanapun, ayat "... pada ketika itu ..." dalam ayat pertama tadi menunjukkan bahawa kemungkinan tarikh penulisan sebenar teks undang-undang ini lewat sedikit daripada tahun 1650 M. Namun begitu, kewujudan Undang-undang Pelabuhan Kedah yang lebih awal daripada undang-undang Kedah yang lain menunjukkan bahawa pelabuhannya begitu maju sehingga penulisan undang-undang ini terpaksa didahulukan. Begitu juga dengan penggunaan tarikh Hijrah dan tahun Melayu secara serentak menunjukkan pengaruh Islam sudah mendapat tempat yang istimewa dalam kalangan orang-orang Melayu.

### **Perisytiharan negeri Islam**

Walaupun pelabuhan Kedah menjadi pusat perdagangan antarabangsa yang dikunjungi oleh pedagang dari benua Eropah, India, China dan lain-lain, namun hal ini tidak menghalang rajanya mengisytiharkan Kedah sebagai sebuah negeri Islam. Dalam teks yang dikaji, terdapat pernyataan bahawa undang-undang yang disuruh buat oleh raja adalah untuk negeri Islam, iaitu:

... syahdan adalah dibicarakan Syah Alam Yang Maha Mulia dan Yang Dipertuan Yang Maha Mulia menyuruh perbuat undang-undang bandar kepada datuk-datuk yang tersebut itu supaya tetap adat bandar dan pekerjaan syahbandar di dalam negeri Islam ... (Raf 77, 153, baris 21–23)

Petikan manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah di atas jelas menunjukkan bahawa perisytiharan sebagai sebuah negeri Islam dinyatakan dalam undang-undang negeri dan bukan dijadikan sekadar agama rasmi sahaja. Walaupun pada masa itu teks Undang-undang Pelabuhan Kedah yang tidak menggunakan undang-undang Islam sepenuhnya, namun kesungguhan untuk melaksanakan Islam sepenuhnya dinyatakan secara jelas dalam bahagian lain teks Undang-undang Kedah, iaitu:

Segala hukum bersesuaian dengan Islam dan diberitahu kepada rakyat setahun sekali ... (Wan Ab Rahman Khudzri dan Mohd Afandi 2002)

Hal ini dikuatkan lagi dengan peruntukan kuasa kepada syahbandar dan mata-mata untuk menangkap pesalah yang melakukan kesalahan syariah dan dihukum dengan takzir raja, iaitu:

... maka segala yang ditegahkan syarak itu maka wajiblah syahbandar dan mata-mata tangkap ..., dihukumkan dengan takzir raja ... (Raf 77, 160, baris 21–23)

Perisytiharan negeri Islam dalam sesebuah undang-undang seperti ini dilihat sebagai salah satu peninggalan sejarah kerana perkara ini tidak lagi berlaku pada masa sekarang. Walaupun terdapat perisytiharan sebagai sebuah negara Islam, namun hal ini tidak termaktub dalam undang-undang atau perlembagaan.

### Sejarah percukaian

Berdasarkan Undang-undang Pelabuhan Kedah, hasil cukai merupakan sumber pendapatan utama pegawai-pegawai kerajaan pada masa itu. Cukai yang diperoleh bergantung pada asal barang, jenis barang dan pangkat pegawai yang menerima cukai. Berikut adalah jadual sistem percukaian yang diamalkan di pelabuhan Kuala Kedah pada waktu itu:

**Jadual 1.** Sebahagian daripada sistem percukaian dalam Undang-undang Pelabuhan Kedah

Bil.	Jenis Barang	Pangkat Pegawai	Asal Negeri	Besar Muatan Kapal	Nilai Cukai
1.	Kharajat (cukai) kapal masuk/keluar	Panglima bandar			2 ½ tahlil
		Panglima negeri	–	–	2 tahlil
		Panglima kuala			Masuk 10 emas, Keluar 14 emas
2.	Bandela (bungkusan dagangan)	Raja	Keling	–	400 emas Patani
			Gujerat		600 emas Patani
		Panglima bandar	Keling	–	1 bandela 2 kupang
			Gujerat		1 bandela 2 kupang
		Hasil bangsal: Panglima bandar dan sakainya (zaman bandela disimpan di dalam bangsal)	Keling	–	4 bandela sekayu selampuri
			Gujerat		4 bandela sekayu bafta
	Mata-mata (zaman selepas bangsal tidak digunakan lagi)	Keling	–	1000 kayu 2 kayu selampuri	
		Gujerat		1000 kayu 2 kayu bafta	

(bersambung)

**Jadual 1.** (samb.)

Bil.	Jenis Barang	Pangkat Pegawai	Asal Negeri	Besar Muatan Kapal	Nilai Cukai
3.	Tebusan	Panglima bandar	–	–	Menebus = 1 emas, Menjual = 2 kupang
4.	Garam dan muatan dalam perahu Keling/lambu	Panglima negeri			8 nalih
Panglima bandar					8 nalih 5 ½ gantang
Syahbandar		Keling	Muatan 40 koyan	6 nalih 2 ½ gantang	
Mata-mata				1 nalih 8 gantang	
5.	Garam dan muatan dalam perahu Keling/lambu	Panglima bandar			5 nalih 15 gantang
Syahbandar		Keling	Muatan 20 koyan	2 nalih 15 ½ gantang	
Mata-mata				9 gantang	
6.	Timah	Panglima batangan	Perak/negeri lain	–	2 bidur
Syahbandar					2 bidur

Dalam jadual di atas terdapat beberapa kosa kata yang agak sukar difahami dan penjelasannya adalah seperti berikut:

- bafta : sejenis kain.  
bidur : mata wang timah [menurut Maxwell di Perak, pada tahun 1890, 100 bidur bersamaan dengan \$25 (Jelani Harun 2008)]  
emas : nilai mata wang yang menyamai 1/16 tahlil emas.  
gantang : nilai ukuran berat bijiran yang menyamai empat cupak.  
kayu : gulung (kain).  
koyan : ukuran berat (kira-kira 40 pikul).  
kupang : mata wang zaman dahulu yang berbeza nilainya mengikut negeri. Bagi negeri di Utara Semenanjung Malaysia, sekupang sama dengan 10 sen.  
nalih : ukuran berat yang sama dengan 16 gantang.  
selampuri : sejenis kain.  
tahlil : ukuran berat (setahlil sama dengan 16 mayam emas, 16 tahlil = sekati).



Berdasarkan Jadual 1 di atas, pelbagai bentuk cukai telah dikenakan ke atas pedagang yang berdagang di Kuala Kedah sesuai dengan sebuah pelabuhan besar bertaraf antarabangsa. Selain istilah *kharajat*, cukai ini juga sering disebut sebagai hasil, persembahan dan hadiah. Penggunaan istilah "hadiah" ini adalah kurang tepat dengan istilah Arab pada sesetengah keadaan kerana dalam Undang-undang Pelabuhan Kedah terdapat hadiah yang telah ditentukan jenis dan kadarnya dari segi adat untuk diberikan kepada pegawai tertentu yang bertugas menguruskan pelabuhan. Perkara ini berlaku kerana hadiah tersebut adalah sumber pendapatan mereka. Walhal perkataan "hadiah" itu dalam bahasa Arabnya merujuk kepada sesuatu pemberian kepada seseorang atas dasar kasih dan sayang (Sa'di Abu Jayb 1988).

Dalam Jadual 1 juga terdapat perkataan "tebusan" (bil. 3) bagi jenis barang dagangan yang menunjukkan bahawa pada masa itu masih berlaku perdagangan manusia khususnya yang bertaraf hamba sahaya. Walaupun perdagangan hamba ini dilarang oleh konvensyen antarabangsa namun hukum keharusannya dalam Islam tidak dimansuhkan. Namun begitu, terdapat sedikit kekeliruan bagi perkataan "tebusan" yang dieja تَبُوسَن dalam Raf 77 dan ML25, tetapi ditulis sebagai "utusan" (اوتسن) dalam MS 40329 menyebabkan berlaku salah tafsir pada Winstedt (1928) yang membacanya sebagai "utusan", Mariyam (2005) dan Abu Hassan (2006) yang membacanya sebagai "utusan". Namun begitu, Abu Hassan seolah-olah menyedari berlakunya kesilapan ini lalu beliau meletakkan perkataan "hamba" dalam kurungan dan diikuti oleh tanda soal yang menunjukkan ketidakpastian beliau terhadap perkataan tersebut. Berdasarkan Undang-undang Pelabuhan Kedah versi ML 25 dan Raf 77, didapati bahawa perkataan "utusan" yang diragui itu sebenarnya ialah "tebusan" seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

... dan jika kapal itu membawa tebusan seemas pada seorang  
hasilnya pada yang menebus, dan pada yang berjual dua kupang ...  
(Raf 77, 156, baris 3)

Dalam konteks ayat di atas, perkataan "tebusan" adalah lebih sesuai kerana istilah tersebut berkaitan dengan orang "yang menebus" dalam ayat yang sama. Tambahan pula, seorang "utusan" tidak sepatutnya dijual beli, malah dilarang dalam Islam dan konvensyen antarabangsa.

Begitu juga dengan perkataan "lambu" (bil. 4 dalam Jadual 1) yang dieja لمبو dalam Raf 77 dan MS 40329 dan لمبق (2 kali) / لمبو (sekali) dalam ML 25, telah dibaca sebagai "lembu" oleh Winstedt (1928) dan Abu Hassan (2006), dibaca "lambu" oleh Mariyam (2005) dan dibaca "Lombok" oleh Siti Hawa (1999). Selain daripada perkataan لمبق, terdapat juga kesalahan ejaan yang lain seperti perkataan "dua puluh" yang dieja "dua luh" (دو له) dalam baris yang sama dengan

perkataan لمبق dalam ML 25 (halaman 17, baris 5) yang menunjukkan kecuaiian penyalinnya. Dalam hal ini, perkataan "lambu" lebih sesuai kerana ia membawa maksud sejenis perahu seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

... jika perahu itu Keling atau lambu datang dari Jawa atau dari negeri lain tatkala sampai ia ke kuala atau tabangan (batangan) maka nakhoda itu dipanggil oleh panglima tabangan (batangan) ...  
(Raf 77, 157, baris 19–20)


Siti Hawa mentransliterasi ayat di atas hanya setakat "... perahu itu Keling atawa Lombok dari Jawa ..." dengan meninggalkan klausa "... atau dari negeri lain ..." yang boleh membawa maksud yang lain daripada Lombok. Dalam hal ini, analisis konteks ayat memainkan peranan yang sangat penting bagi mengenal pasti sesuatu perkataan yang kadang kala bersifat homograf seperti "lambu" dan "lembu".

### **Aspek Budaya**

Aspek budaya khususnya dalam perdagangan Melayu sedikit sebanyak telah disentuh oleh Augustine (1996), Abu Hassan (2006) dan Ibrahim (2008). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek budaya yang terdapat dalam Undang-undang Pelabuhan Kedah ini masih memerlukan penambahbaikan dan huraian yang lebih mendalam terutamanya dalam aspek budaya pekerjaan, budaya perniagaan dan budaya pengiraan.

### **Budaya pekerjaan**

Abu Hassan (2006) telah menghuraikan tugas pegawai yang mengendalikan cukai dan menjaga ketenteraman di pelabuhan. Pegawai yang disebut oleh beliau termasuklah panglima kuala, syahbandar, panglima bandar dan panglima negeri yang diterangkan tugas dan hierarki jawatannya, dengan dibantu oleh pegawai-pegawai yang lain termasuklah panglima batangan dan mata-mata. Beliau turut mengemukakan proses pemeriksaan barang yang bermula daripada nakhoda hingga kepada raja. Namun demikian, beliau tidak memasukkan panglima negeri dalam proses tersebut. Akan tetapi, kajian ini mendapati bahawa panglima negeri turut terlibat dalam proses pemeriksaan dan pendaftaran barang dagangan walaupun tidak sepenuhnya. Secara keseluruhannya, proses pemeriksaan dan pendaftaran barang dagangan adalah melalui urutan berikut:



**Rajah 1.** Peringkat pemeriksaan dan pendaftaran barang dagangan

Dalam hierarki pegawai di atas, syahbandar dan panglima bandarlah yang memainkan peranan yang utama dalam memastikan urusan perdagangan di pelabuhan berjalan dengan lancar. Bahkan dalam sesetengah urusan, panglima bandar terus memaklumkan kepada raja bahawa nakhoda akan menghadap baginda tanpa melalui panglima negeri seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

... maka dimaklumkan panglima bandar pada raja, nakhoda itu akan datang meng(h)adap membawa persembahan ... (Raf 77, 154: baris 22)

Sungguhpun demikian, bagi perahu Keling atau lambu yang muatannya 40 koyan, 10 koyan atau lima koyan, nakhoda dikehendaki menemui panglima negeri terlebih dahulu dan membayar cukai tertentu sebelum menghadap raja jika diminta berbuat demikian.

Tugas pegawai utama di atas terutama syahbandar dan panglima bandar akan dibantu pula oleh mata-mata dan sakai manakala nakhoda pula dibantu oleh kerani dan *qabd al-mal*. Pembantu kepada nakhoda ini disebut dengan jelas dalam Raf 77 dan ML 25 tetapi telah tersilap salin oleh penulis MS 40329.

Perkataan "kerani" telah dieja "kurnia", manakala perkataan *qabd al-mal* قبض المال dieja *qab khamal* seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

... maka apabila sudah lengkap, maka bertitahkan raja pada panglima bandar suruh panggil nakhoda dan kurnia (kerani) dan qab khamal [qabad (al)mal] ... tiga orang itulah dipanggil ... (MS 40329, 3, baris 27–29)

Dalam konteks ayat di atas, perkataan "kerani" dan *qabd (al-)mal* lebih sesuai kerana ayat yang berikutnya menunjukkan bahawa perkataan tersebut merujuk kepada orang. Dalam transliterasi Mariyam (2005), *qabd (al-)mal* dibaca sebagai *khabib khamal* (خبب خمل) manakala dalam Winstedt (1928) dibaca sebagai *kab khiml* yang tidak diberikan maknanya. Menurut Kamus Besar Arab Melayu Dewan (2006), makna *qabd (al-)mal* ialah "mengambil harta" yang mungkin telah mengalami peluasan makna atau dalam konteks sekarang boleh dianggap sebagai "bendahari". Perkataan *qabd al-mal* disebut [qab.dul.mal] قبض المال dalam bahasa Arab. Namun begitu dalam ketiga-tiga manuskrip MS 40329, ML 25 dan Raf 77, huruf *alif lam* digugurkan mungkin untuk disesuaikan dengan lidah Melayu yang agak berat untuk menyebut tiga suku kata tertutup secara berurutan kerana fenomena seperti ini jarang ditemui dalam bahasa Melayu.

Kewujudan pelbagai jawatan bagi pegawai utama berserta pembantu mereka di pihak negeri serta jawatan nakhoda kapal dan pembantu mereka di pihak pedagang dengan tugas dan peranan masing-masing yang dinyatakan secara jelas, menunjukkan bahawa perdagangan yang berlaku pada masa itu diuruskan secara sistematik. Walaupun kelihatan seolah-olah wujud karenah birokrasi, namun untuk menguruskan sebuah pelabuhan antarabangsa yang maju seperti Kuala Kedah pada abad ke-17 dan ke-18 ini bukanlah suatu perkara mudah, dan ia boleh dianggap sebagai suatu yang munasabah. Budaya pekerjaan seperti ini masih wujud sehingga kini apabila kebanyakan jawatan penting dalam kerajaan masih dipegang dan dijaga oleh orang Melayu.

### **Budaya perniagaan**

Dalam teks Undang-undang Pelabuhan Kedah yang dikaji terdapat juga penggunaan beberapa aspek budaya perdagangan dan perniagaan Melayu yang berasaskan Islam. Hal ini jelas termaktub dalam fasal yang mengandungi mafhum ayat al-Quran seperti berikut:

... dan wajib menyuruh menyamai cupak dan gantang dan timbangan jangan diberi kecik besar ma(h)ulah sama sekalian itu karena firman taala *aufu al-mikyala wal mizana* ertinya

'hendaklah sempurna oleh kamu segala sukatan dan timbangan'... (Raf 77, 161, baris 7–9).

Ayat yang paling hampir dengan nas tersebut terdapat di dalam al-Quran, surah Hud, ayat 85 yang bermaksud, "Dan wahai kaumku, sempurnakan sukatan dan timbangan dengan adil ...". Penggunaan ayat al-Quran dalam Undang-undang Pelabuhan Kedah ini dengan jelas menunjukkan bahawa budaya perdagangan dan perniagaan Melayu yang berasaskan Islam sudah wujud dan masih diamalkan sehingga ke hari ini.

### **Budaya pengiraan**

Sistem percukaian yang agak kompleks dan budaya perniagaan yang berteraskan Islam seperti yang telah dibincangkan memerlukan kemahiran mengira. Apatah lagi jika ia melibatkan jumlah dagangan yang besar seperti perahu lambu dengan muatan 40 koyan yang bersamaan dengan 32 000 gantang. Antara contoh pengiraan yang terdapat dalam Raf 77 adalah tentang pembahagian hasil cukai seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

... adapun perahu itu jika lambu kira-kira muatannya dua puluh koyan maka diambil hasilnya empat kunca dalam itu diambil panglima bandar sekunca dalam itu dibahagi tiga akan panglima bandar enam nalih lima gantang akan syahbandar tiga nalih tengah tiga gantang maka dikeluarkan mata-mata daripada panglima bandar enam gantang daripada syahbandar tiga gantang demikianlah dihisabkan ... (Raf 77, 158, baris 17–21).

Berdasarkan petikan di atas, jika perahu lambu muatannya 20 koyan (100 kunca), maka cukai yang dikenakan ialah empat kunca. Daripada empat kunca, satu kunca dibahagikan kepada tiga bahagian yakni untuk diberikan kepada panglima bandar sebanyak 95 gantang, syahbandar 47 ½ gantang dan mata-mata sembilan gantang seperti berikut:

Panglima bandar	=	6 nalih 5 gantang
	=	6 gantang (untuk mata-mata)
	=	5 nalih 15 gantang
	=	95 gantang
Syahbandar	=	3 nalih 2 ½ gantang
	=	3 gantang (untuk mata-mata)
	=	2 nalih 15 ½ gantang
	=	47 ½ gantang

Mata-mata	=	9 gantang
Jumlah	=	151 ½ gantang

Walaupun Kamus Dewan (edisi keempat) memberikan makna entri "kunca" sebagai "ukuran isi bagi padi (biasanya sama dengan 160 gantang)", namun dalam Undang-undang Pelabuhan Kedah, istilah "kunca" tidak dihadkan kepada padi sahaja, malah ia digunakan juga untuk garam. Tentang ukuran berat satu kunca yang biasanya sama dengan 160 gantang, teks Undang-undang Pelabuhan Kedah menunjukkan bahawa ukuran berat ini adalah bersifat anggaran atau lebih kurang sahaja. Perkara ini dijelaskan lagi dengan pembahagian cukai bagi perahu lambu yang muatannya 40 koyan. Jumlah cukai sebanyak dua kunca bagi perahu lambu muatan 40 koyan yang dibahagikan kepada pegawai kerajaan ialah sebanyak 24 nalih. Menurut Kamus Dewan, satu nalih sama dengan 16 gantang. Oleh sebab satu kunca sama dengan 160 gantang, maka satu kunca juga sama dengan sepuluh nalih ( $160 \div 16$ ). Namun begitu, satu kunca bagi perahu lambu muatan 40 koyan dalam Undang-undang Pelabuhan Kedah adalah 12 nalih atau 192 gantang, lebih besar daripada nilai satu kunca bagi perahu lambu muatan 20 koyan, iaitu 151 ½ gantang.

Bagi contoh pengiraan di atas, sekurang-kurangnya setiap pegawai yang bertugas mengetahui hak masing-masing seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Untuk mengetahui dan mendapatkan hak ini, pegawai terbabit perlu pandai mengira supaya tidak ditipu atau diselewengkan oleh pihak lain. Pada hari ini, kebanyakan orang Melayu sudah pandai ilmu matematik yang menunjukkan kelangsungan budaya orang terdahulu. Budaya pengiraan seperti ini tentunya berkait rapat dengan budaya perniagaan dan muamalat berteraskan Islam yang bertujuan menegakkan kebenaran dan keadilan.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa persejarahan dan pembudayaan perdagangan Melayu dapat dilihat dengan jelas dalam manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah yang bertarikh 1650 M. Oleh itu, penulisan undang-undang ini bukan sahaja penting kepada pihak pemerintah pada masa itu untuk menguruskan pentadbiran perdagangan, malah perlu dilihat sebagai satu usaha pendokumentasian sejarah dan budaya Melayu yang amat berguna kerana pada masa tersebut, proses transisi daripada kerajaan kelautan kepada pertanian seperti yang dapat dilihat kesannya pada hari ini dikatakan sudah berlaku. Dari aspek sejarah, kajian ini telah memperincikan tiga perkara penting, iaitu pentarikhkan Melayu-Islam, perisytiharan negeri Islam dan sejarah percukaian, manakala dari aspek budaya pula kajian ini telah menjelaskan beberapa isu yang

berkaitan dengan budaya pekerjaan, perniagaan dan pengiraan. Kajian ini juga mendapati bahawa pengkajian terhadap manuskrip lama sebagai satu sumber sejarah dan budaya yang terunggul bukanlah suatu perkara mudah dan memerlukan ketelitian dan kesabaran yang tinggi terutamanya dalam mentafsirkan dan memperhalusi setiap kata demi kata yang terdapat dalam manuskrip tersebut.

Kaedah analisis teks, ko-teks dan konteks berdasarkan manuskrip amat penting dalam kajian filologi dan sejarah. Kajian ini telah membuktikan bahawa kegagalan menggabungkan ketiga-tiga analisis terhadap manuskrip ini akan menjejaskan kualiti dapatan kajian, apatah lagi jika kajian tersebut hanya bersumberkan sumber sekunder tanpa merujuk kepada manuskrip yang asal. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kajian terhadap sejarah dan budaya perdagangan Melayu khususnya kajian yang bersumberkan manuskrip Melayu lama adalah amat luas dan sentiasa terdedah kepada tafsiran baharu dan tidak terhenti semata-mata kerana sudah dikaji oleh orang lain.

### **Penghargaan**

Kajian ini dibiayai oleh Universiti Putra Malaysia di bawah *Research University Grant Scheme* (RUGS) [06-03-08-0490RU] dan telah dibentangkan di Seminar Antarabangsa *Trade and Finance in the Malay World: Historical and Cultural Perspectives* di Frankfurt, Jerman pada 17 Jun 2010.

### **Bibliografi**

- Abu Hassan Sham. 2006. Undang-undang Kedah. In *Kesultanan Melayu Kedah*. ed. Rogayah A. Hamid and Mariyam Salim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Jelani Halimi. 2002. *Perundangan kerajaan Kedah Lama*. Alor Setar: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. Retrieved on 23 October 2011, from [http://www.mykedah2.com/10heritage/104\\_2\\_p3.htm](http://www.mykedah2.com/10heritage/104_2_p3.htm).
- Ahmat Adam. 2009. Pusaka yang hilang: Sistem kalendar Melayu yang kini hanya tinggal sejarahnya. Paper presented at *Siri Wacana ATMA*, UKM Bangi.
- Augustine, J. F. 1996. *Kedah zaman silam*. Alor Setar: Muzium Negeri Kedah Darul Aman.
- Edwar Djamaris, Nikmah A. Sunarjo and Haniah. 1981. *Naskah undang-undang dalam sastra Indonesia lama*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departmen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Ibrahim Ismail. 2008. *Sejarah Kedah sepintas lalu*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

- . 2008. *Undang-undang kesultanan Melayu dalam perbandingan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Liaw Yock Fang. 2003. *Undang-undang Melaka dan Undang-undang Laut*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Mahani Musa. 2006. Undang-undang Kedah versi Ku Din Ku Meh (1311 Hijrah/1803 Masihi). In *Kesultanan Melayu Kedah*. eds. Rogayah A. Hamid and Mariyam Salim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mariyam Salim. 2005. *Undang-undang Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hassan Muhammad Arsyad. 1927. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah (MS 100)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Portal Rasmi Kerajaan negeri Kedah Darul Aman. Retrieved on 23 October 2011, from <http://www.kedah.gov.my/kehad/>.
- Rogayah A. Hamid and Mariyam Salim. 2006. *Kesultanan Melayu Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sa'di Abu Jayb. 1988. *Al-Qamus al-fiqhiy: Lughatan wa istilaahan*. Damsyik: Darul Fikr.
- Siti Hawa Haji Salleh. 1999. Undang-undang Kedah: Suatu penilaian am. In *Warisan persuratan Johor II: Perundangan dan ketatanegaraan Melayu*. ed. Zainal Abidin Borhan, Othman Puteh, Hamzah Hamdani and Saleh Daud. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Wan Ab Rahman Khudzri Wan Abdullah and Mohd Afandi Salleh. 2002. *Perkembangan Undang-undang Islam di Kedah*. Alor Setar: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. Retrieved from [http://www.mykedah2.com/10heritage/102\\_3.html](http://www.mykedah2.com/10heritage/102_3.html).
- Wan Shamsuddin Mohd Yusof. 2002. Hukum Kanun Kedah: Satu penelitian mengenai Hukum Kanun Dato' Kota Star. Retrieved on 23 October 2011, from [http://www.mykedah2.com/10heritage/104\\_1.html](http://www.mykedah2.com/10heritage/104_1.html).
- Winstedt, R. O. 1928. Kedah laws. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)* 6(2): 1–44.
- Zainal Abidin Borhan, Othman Puteh, Hamzah Hamdani dan Saleh Daud, eds. 1999. *Warisan persuratan Johor II: Perundangan dan ketatanegaraan Melayu*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.